



SH 1615109 PS - T11

Kursus kepimpinan tingkat jati diri, semangat penuntut UMT

- Seramai 140 penuntut Universiti Malaysia Terengganu (UMT) membabitkan penuntut Tahun Satu dan Dua menyertai Kursus Kepimpinan Eksekutif Badan Pelajar UMT 2009 yang diadakan di Peladang Agro Resort Setiu, di sini.
- Majlis perasmian disempurnakan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ir Idris Harun. Turut hadir, Timbalan Naib Canselor Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) UMT, Profesor Dr Abdul Majid Mohd Isa dan pegawai UMT.
- Dalam ucapannya, Idris mengucapkan tahniah atas usaha dijalankan Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMT kerana peka terhadap isu semasa dengan menjayakan program berkenaan yang dianggap sebagai amat penting kepada mereka.
- Menurut Idris, jika program seumpama itu diadakan secara berterusan, ia mampu melahirkan bakal pemimpin berkaliber pada masa akan datang, seterusnya meningkatkan jati diri penuntut supaya lebih bertanggung jawab terhadap agama, bangsa dan negara.
- Sekiranya acuan itu tidak dibentuk berlandaskan kepada perlembagaan negara dari awal, tidak mustahil negara akan hancur dan dijajah bangsa asing seperti yang berlaku ke atas beberapa bangsa di dunia sekarang.